



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

22 April 2016 / 14 Rejab 1437H

Merendah Diri Dalam Amal Soleh

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t., perbaharuilah azam kita untuk menurut perintah Allah s.w.t dan menjauhi larangan-Nya. Semoga dengan ini akan memperindahkan lagi akhlak dan peribadi kita, serta memperkukuhkan iman kita kepada Allah s.w.t.

Saudaraku sekalian,

Khutbah minggu lalu telah menyentuh tentang bagaimana ibadah yang sering kita lakukan membantu kita untuk

memperkuat lagi sifat Tawaduk (rendah diri), seperti solat berjemaah dan bersedekah. Oleh itu, seseorang yang sering menjaga amal ibadahnya, pada hakikatnya, dia sedang berlatih dan mendidik dirinya agar menjadi hamba Allah yang bersifat Tawaduk dan berusaha untuk mengikhlaskan amalan solehnya hanya kerana Allah s.w.t. Allah berfirman:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ۝

Yang bermaksud: *“Padahal mereka tidak diperintah kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat; dan yang demikian itulah agama yang lurus.”* [Surah Al-Bayyinah: 5]

Saudaraku,

Ingin saya berkongsi sebuah kisah yang diriwayatkan oleh Imam an-Nasai’ie dan Imam al-Baihaqi, semoga ia dapat menjadi pedoman dan pelajaran buat diri kita. Satu ketika, Rasulullah s.a.w. sedang duduk bersama para sahabat, beliau bersabda: *“Sekarang ini akan datang kepada kamu seorang pemuda ahli syurga.”* Rasulullah mengulangi ungkapan tersebut selama tiga hari berturut-turut dengan tujuan menarik perhatian para sahabat. Pada setiap kali ungkapan tersebut diucapkan, maka datanglah seorang pemuda yang gerak-geri fizikalnya amat sederhana.

Pada hari yang ketiga, 'Abdullah bin 'Amru bin al-'Ash tidak dapat membendung perasaannya dan terpanggil untuk mengetahui apakah sebabnya pemuda tersebut mendapat janji Syurga dari Rasulullah s.a.w. Dalam berahsia, beliau bertemu pemuda tersebut dan meminta bertamu di rumahnya untuk beberapa hari.

Setelah tiga malam berlalu, 'Abdullah masih belum terlihat pemuda tersebut melakukan amalan yang meyakinkan dirinya bahawa dialah yang dijanjikan syurga oleh Baginda sebelum ini. Beliau dapati pemuda tersebut tidak banyak bertahajjud pada waktu malam dan tidak juga banyak berzikir di waktu siang. Setelah berlalu hari ketiga, 'Abdullah berterus terang kepada pemuda tersebut tujuan sebenar beliau bertamu di rumahnya iaitu kerana untuk meneladani sifat ahli syurga yang dikhabarkan oleh Rasulullah s.a.w. yang ada di dalam dirinya. Maka pemuda tersebut berkata: *“Tiada apa-apa pada diriku kecuali apa yang kamu lihat.”* Setelah mendengar kata-kata tersebut, 'Abdullah mula beredar dan merasa hampa. Kemudian pemuda tersebut memanggilnya semula dan berkata lagi: *“Tiada apa-apa pada diriku kecuali apa yang kamu lihat. Tetapi aku berusaha untuk memastikan bahawa aku tidak menipu sesiapa, dan aku tidak berasa hasad (dengki) atas apa yang Allah kurniakan kepada orang lain.”*

Mendengar ucapan tersebut, seponatan Abdullah pun berkata: *“Inilah sifat-sifat yang kamu berjaya memilikinya sedangkan kami tidak mampu untuk melaksanakannya.”*

Saudaraku,

Kisah ini menggambarkan bagaimana pentingnya sikap rendah diri dengan amal soleh yang kita lakukan. Meskipun seseorang itu dilihat sebagai insan biasa sahaja, tetapi nilai amalannya hanya Allah s.w.t. yang mengetahuinya. Kita mungkin terkabur dengan hiasan zahir. Yang pastinya, Allah Maha mengetahui apa yang terlihat dan tersirat di dalam diri seseorang. Tiada wajar kita untuk menghukum diri seseorang dengan pandangan zahir, tetapi kita mampu untuk mendoakan yang terbaik untuk mereka dan sesiapa sahaja dalam mencari keredhaan Allah.

Kita juga dapat merasakan betapa indah budi pekerti pemuda tersebut walaupun beliau sudah dijamin sebagai ahli syurga, namun beliau tetap tunduk dan tidak berbangga diri, malah dengan penuh rendah diri menyatakan bahawa tiada apa-apa istimewa yang dilakukan olehnya. Itulah hakikat ciri orang yang mempunyai sifat Tawaduk dan ikhlas.

Sidang Jumaat yang saya kasihi,

Hayatilah sepotong Hadith Nabi s.a.w. yang menggambarkan kepentingan seseorang itu merendahkan diri dalam beramal saleh. Baginda bersabda yang bermaksud: *“... Maka demi Allah*

yang tiada tuhan selain-Nya, ada seseorang diantara kalian yang mengerjakan amalan ahli syurga sehingga tidak ada jarak antara dirinya dan surga kecuali sehasta saja, kemudian ia didahului oleh ketetapan Allah lalu ia melakukan perbuatan ahli neraka dan ia masuk neraka. Ada diantara kalian yang mengerjakan amalan ahli neraka, sehingga tidak ada lagi jarak antara dirinya dan neraka kecuali sehasta saja. kemudian ia didahului oleh ketetapan Allah lalu dia melakukan perbuatan ahli syurga dan dia dimasukkan ke dalam syurga.” [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Saudaraku,

Kita tidak akan tahu saudaraku, sebanyak mana pun amalan baik dan ibadah yang kita telah lakukan, bila-bila sahaja seseorang itu boleh terjerumus dalam dosa lalu meninggal dalam keadaan berdosa, *Nauzu billah!*

Dalam keadaan kita yang tiada jaminan ini, siapakah kita untuk merendahkan orang lain yang melakukan kesalahan? Untuk mengetepi ataupun memperlekehkan amalannya? Kerana boleh jadi dia dapat berubah kepada yang lebih baik, melakukan amal ibadah yang lebih daripada kita.

Kita tetap bersangka baik terhadap Allah, bahawa Allah tidak akan mensia-siakan amalan orang yang beramal saleh. Di waktu yang sama, setiap individu mukmin, tetap akan sentiasa

terus mengharapkan rahmat dan bantuan Illahi. Kerana Allah lah Yang Maha Mengetahui segala kesudahan.

Semoga Allah mengurniakan kepada kita sekeluarga kerendahan hati, keikhlasan dalam beramal dan saling doa-mendoakan antara satu sama lain dalam mengejar keredhaan Allah di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.